



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA
(SCOUTS ASSOCIATION OF MALAYSIA)

Diperbadankan di bawah Akta Parlimen No. 784, Tahun 1968 (Semakan 2016)/ Parliamentary Act No. 784, 1968 (Revised 2016)

No. Rujukan : PPM.600-1/1/4(010)/2023

Tarikh : 30 Disember 2023

SEPERTI DALAM SENARAI EDARAN

Ybhg. Datuk/Tuan,

TAWARAN UNTUK MENGHADIRI UJIAN PENILAIAN ANUGERAH BADEN-POWELL (B-P AWARD) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

Dengan hormat dan sukacitanya dimaklumkan bahawa Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) melalui Pasukan Latihan Negara (PLN) akan menganjurkan Ujian Penilaian Anugerah Baden-Powell (B-P Award) Peringkat Kebangsaan seperti ketetapan berikut:

- Tarikh Ujian : **12 hingga 14 Januari 2024**
- Tarikh Pendaftaran : **12 Januari 2024 (2.00 Petang)**
- Tempat Penilaian : **Kem Ghaffar Baba**
Lot 18572, Hujung Kemensah, Jalan Taman Zooview,
Kemensah, Hulu Kelang, 68000 Ampang, Selangor
- Yuran Penyertaan : **RM150.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Lima Puluh Sahaja)**
(merangkumi makan, minum, penginapan, keperluan ujian dan sijil Anugerah)

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Tuan, Ujian Penilaian Anugerah B-P akan mencakupi keseluruhan ilmu dalam unit-unit Kepengakapan yang menekankan pengisian ilmu dan kemahiran kepengakapan dalam pembentukan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

3. Sehubungan itu, Ujian Penilaian Anugerah Baden-Powell boleh dihadiri oleh ahli Pengakap Kelana yang telah menyempurnakan skim Latihan Pengakap Kelana sehingga dianugerahkan Tanda Kecemerlangan Rambu Pengakap Kelana. Calon-calon yang ingin menyertai Ujian Penilaian ini perlu diperakui serta disokong oleh Pesuruhjaya Pengakap Daerah dan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri masing-masing. **Kelayakan menghadiri** Ujian Anugerah B-P seperti yang termaktub dalam Perkara 8, Buku Panduan Penilaian Anugerah B-P Edisi 2019 seperti dalam Lampiran 2.

4. Walau bagaimanapun, Mesyuarat Pasukan Latihan Negara yang bersidang pada 21 Disember 2023 bersetuju sebulat suara menetapkan umur maksimum calon Anugerah B-P untuk ujian penilaian ini sahaja adalah 27 tahun 6 bulan setelah mengambil kira tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan kekangan COVID-19 selama 2 tahun.

TAWARAN UNTUK MENGHADIRI UJIAN PENILAIAN ANUGERAH BADEN-POWELL (B-P AWARD) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

No. Rujukan : PPM.600-1/1/4(010)/2023

Tarikh : 30 Disember 2023

5. Justeru itu, YBhg. Datuk/Tuan, dipohon untuk memanjangkan makluman Ujian Penilaian Anugerah B-P ini kepada semua ahli Pengakap Kelana yang layak dalam PPM Negeri seliaan YBhg. Datuk/Tuan.

6. Selain itu, calon-calon yang diperakui lulus oleh Lembaga Penilaian Anugerah B-P Kebangsaan akan dianugerahkan "Epolet dan Sijil Anugerah Baden-Powell". Satu istiadat pemakaian epolet Anugerah Baden-Powell dan penyerahan sijil Anugerah Baden-Powell akan diadakan pada hari akhir seusai Ujian Penilaian Anugerah B-P tersebut. Manakala calon yang gagal hanya akan menerima sijil kehadiran ujian.

7. Lantaran itu, jumlah yuran penyertaan yang dikenakan adalah sebanyak RM150.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Lima Puluh Sahaja). Bayaran pendahuluan sebanyak RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja) boleh didepositkan terus ke akaun MAYBANK atas nama Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia – No. Akaun 5140 3901 4506. Salinan slip deposit perlu dihantar menerusi aplikasi *WhatsApp* oleh Pesuruhjaya Latihan Negeri kepada Encik Mohd Azri bin Ramli @ Hisham di talian 012-327 8411.

8. Oleh yang demikian, calon-calon perlu mengisi borang secara dalam talian menggunakan pautan https://bit.ly/BPA_2024. **Tarikh tutup permohonan penyertaan adalah pada 05 Januari 2024.** Calon-calon juga dinasihatkan untuk membawa keperluan penilaian seperti yang tersenarai dalam Lampiran 3 semasa menghadiri Ujian Penilaian.

Segala Kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, Salam Hormat.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI KEPENGAKAPAN"

Yang menjalankan amanah,
Persekutuan Pengakap Malaysia



DR. EKBERT YONG YEN LOONG
Pesuruhjaya Latihan Negara

TAWARAN UNTUK MENGHADIRI UJIAN PENILAIAN ANUGERAH BADEN-POWELL (B-P AWARD) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

No. Rujukan : PPM.600-1/1/4(010)/2023
Tarikh : 30 Disember 2023

Salinan kepada –

1. Pemangku Ketua Pengakap Negara merangkap Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
2. Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
(Yang Menjalankan Tugas-tugas Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara)
3. Pesuruhjaya Program Negara
4. Ketua Pegawai Operasi PPM
5. Setiausaha Eksekutif Latihan
6. Setiausaha Latihan Negara
7. Setiausaha Program Negara
8. Pesuruhjaya Ibu Pejabat Kebangsaan (Pengakap Kelana)
9. Penolong Setiausaha Eksekutif Program

TAWARAN UNTUK MENGHADIRI UJIAN PENILAIAN ANUGERAH BADEN-POWELL (B-P AWARD) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

No. Rujukan : PPM.600-1/1/4(010)/2023

Tarikh : 30 Disember 2023

SENARAI EDARAN

1. **YBhg. Dato' Haji Zulkafli bin Kamaruddin**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pulau Pinang
2. **YBrs Tuan Haji Ahmad Azam Shah bin Abd Majid**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Perak
3. **YBrs Encik Hong Heng Chee**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Wilayah Persekutuan Labuan
4. **YBhg. Datuk Haji Zakran bin Abdul Manan**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
5. **YBrs Tuan Haji Noor Hashim bin Ismail**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Selangor
6. **YBrs Encik Azmi bin Abdullah**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Perlis
7. **YBrs Tuan Kapten Zainuddin bin Tan Sri Haji Hamdan**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sarawak
8. **YBrs Tuan Haji Bardin bin Uteh**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Johor
9. **YBrs Encik Zulkiflee bin Shariff**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Kedah
10. **YBrs Encik Aziruddin bin Abdul Aziz**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sembilan
11. **YBrs Encik Amin Nollah bin Lateh**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pahang
12. **YBrs Tuan Prof. Madya Ts. Dr. Haji Mustaffa bin Ibrahim**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Kelanasiswa Malaysia
13. **YBrs Encik Mohd Zulkifli bin Sulaiman**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Kelantan
14. **YBrs Encik Shahrul Azwan bin Mohamad @ Endut**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Terengganu
15. **YBrs Tuan Haji Ibrahim bin Md Noor**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Melaka
16. **YBrs Kapt. (AW) M. Asrar bin Sidon**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri KLM
17. **YBhg. Datuk Dr. Haji Awang Zaini bin Haji Suntim**
Mantan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sabah

(Mengikut Bahagian II, Seksyen VII (Peraturan-Peraturan Am) Peraturan 43(b) Prosedur, Organisasi dan Peraturan, 2010)

TAWARAN UNTUK MENGHADIRI UJIAN PENILAIAN ANUGERAH BADEN-POWELL (B-P AWARD) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

No. Rujukan : PPM.600-1/1/4(010)/2023

Tarikh : 30 Disember 2023

PERKARA 8, BUKU PANDUAN PENILAIAN ANUGERAH B-P EDISI 2019

8. KELAYAKAN MENGHADIRI UJIAN PENILAIAN ANUGERAH B-P

Seorang ahli Pengakap Kelana sebelum layak menghadiri Ujian Penilaian Anugerah BP adalah dikehendaki mempelajari dan menjalankan tugas seperti yang telah ditetapkan dalam unit Pengakap Kelana serta lulus dengan cemerlang dalam segala ujian dan memperolehi lencana-lencana dalam skim latihan unit berkenaan. Calon Anugerah BP mestilah:

- 8.1. Warganegara Malaysia;
- 8.2. **BERDAFTAR DAN MEMPUNYAI KAD KEAHLIAN SELAMA 3 TAHUN BERTURUT-TURUT** termasuk tahun semasa untuk menyertai Ujian Penilaian Anugerah BP;
- 8.3. Sihat tubuh badan, emosi dan mental;
- 8.4. Berumur **TIDAK KURANG DARIPADA 20 TAHUN** dan **TIDAK MELEBIHI 26 TAHUN**;
- 8.5. Lulus 3 Lencana Wajib dan 1 Lencana Pilihan bagi unit Pengakap Kelana;
- 8.6. Calon Anugerah BP perlu menghadiri kursus dan menjalankan tugas seperti berikut:
 - 8.6.1. Kursus Pertolongan Cemas dan CPR;
 - 8.6.2. Ceramah atau Program Silang Budaya;
 - 8.6.3. Kursus Pemadam Api atau Kursus Pertahanan Awam atau Kursus Pengurusan Risiko atau *Safe from Harm* (WOSM);
 - 8.6.4. Menjalankan Khidmat Masyarakat **TIDAK KURANG DARIPADA 150 JAM**. Jumlah jam termasuk Kursus Pertolongan Cemas & CPR, Ceramah atau Program Silang Budaya, Kursus Pemadam Api atau Pertahanan Awam dan kerja-kerja kemasyarakatan.
- 8.7. Mempunyai kemahiran berpengakap yang secukupnya dan bersedia mengamalkannya untuk Pergerakan Pengakap, Masyarakat dan Negara;
- 8.8. Pengakap Kelana itu hendaklah mempunyai sikap yang baik, bertanggungjawab serta berdikari;

TAWARAN UNTUK MENGHADIRI UJIAN PENILAIAN ANUGERAH BADEN-POWELL (B-P AWARD) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

No. Rujukan : PPM.600-1/1/4(010)/2023


Tarikh : 30 Disember 2023

- 8.9. Diperakui oleh Pesuruhjaya Pengakap Daerahnya sebagai seorang Pengakap yang berkelakuan baik dan berkeperibadian yang boleh dijadikan teladan;
- 8.10. Lembaga Penilaian Anugerah BP Negeri yang berkenaan hendaklah berpuas-hati dengan segala kerja yang telah dijalankan dengan cara berpengakap.
- 8.11. Calon-calon yang telah memenuhi syarat kelayakan ke Ujian Penilaian Anugerah BP perlu menyertakan dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti berikut:
 - 8.11.1. Dua (2) helai Borang Pencalonan Anugerah BP – BORANG PPM(BPA) lengkap dengan gambar beruniform Pengakap Kelana berukuran *passport*;
 - 8.11.2. Satu (1) salinan Kad Pengenalan calon;
 - 8.11.3. Satu (1) salinan setiap tahun Kad Keahlian Calon;
 - 8.11.4. Satu (1) salinan sijil bagi setiap Lencana Wajib dan Lencana Pilihan
 - 8.11.5. Satu (1) salinan sijil Kursus Pertolongan Cemas dan CPR;
 - 8.11.6. Satu (1) salinan sijil Ceramah atau Program Silang Budaya;
 - 8.11.7. Satu (1) salinan sijil Kursus Pemadam Api atau sijil Kursus Pertahanan Awam atau sijil Kursus Pengurusan Risiko atau sijil *Safe from Harm* (WOSM); dan
 - 8.11.8. Satu (1) salinan Kad Khidmat Masyarakat yang menunjukkan calon telah berkhidmat selama 150 jam termasuk jam kursus pada perkara 8.6.1. hingga 8.6.3.

TAWARAN UNTUK MENGHADIRI UJIAN PENILAIAN ANUGERAH BADEN-POWELL (B-P AWARD) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

No. Rujukan : PPM.600-1/1/4(010)/2023
Tarikh : 30 Disember 2023

CARTA PEROLEHAN LENCANA KE ARAH ANUGERAH B-P



TAWARAN UNTUK MENGHADIRI UJIAN PENILAIAN ANUGERAH BADEN-POWELL (B-P AWARD) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

No. Rujukan : PPM.600-1/1/4(010)/2023

Tarikh : 30 Disember 2023

PERALATAN DAN BAHAN UJIAN PENILAIAN ANUGERAH BADEN-POWELL

1. Pakaian seragam lengkap berserta Rambu Pengakap Kelana;
2. Komputer riba / telefon bimbit / tablet;
3. Slaid-slaid pembentangan atau video pendek untuk ujian Komponen Personaliti dan ujian Komponen Perkhidmatan;
4. Internet / *data plan* yang mencukupi;
5. Tali Pengakap;
6. Folio / Buku Log Lencana;
7. Buku catatan;
8. Borang-borang dan salinan sijil-sijil seperti perkara 8.11. dalam Lampiran 2; dan
9. Kit pertolongan cemas dan ubat-ubatan persendirian.